

Isu sempadan tak gugat kerjasama ekonomi: PM

BH- 22/2/2007.

Pertemuan dua hala dengan Indonesia mahu cari pasaran baru

JAKARTA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia dan Indonesia tidak akan membiarkan isu persempadanan kedua-dua negara menjadi halangan membangunkan kerjasama ekonomi yang berpotensi, nyata, dan jauh lebih besar manfaatnya kepada rakyat kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, isu perbatasan sama ada di darat atau laut sedang ditangani oleh jawatankuasa pakar teknikal Malaysia-Indonesia secara bersama menerusi mesyuarat yang sudah berlangsung sembilan kali dan mesyuarat ke-10 dijadualkan di Pulau Pinang tidak lama lagi.

"Perbatasan kedua-dua negara, termasuk soal Ambalat di Laut Sulawesi sedang dibincang pada peringkat teknikal dan semua lancar. Tidak perlu campur tangan pemimpin, baik saya mahupun Presiden Susilo Bambang Yudhoyono," katanya dalam temu bual eksklusif dengan radio berita 24 jam *Elshinta*, di sini, semalam.

Pertikaian perairan Ambalat yang dikatakan kaya dengan minyak dan gas pernah mencetuskan reaksi ke-

ras dan emosional rakyat Indonesia apabila berlaku tuntutan bertindih dan Abdullah serta Susilo sepakat untuk menyelesaikan isu itu menerusi meja rundingan.

Abdullah berkata, kedua-dua negara berharap hasil rundingan teknikal menghasilkan persetujuan yang seterusnya membuka jalan kepada kerjasama bermanfaat untuk pembangunan ekonomi serta kesejahteraan rakyat Malaysia dan Indonesia.

"Baik saya mahupun Presiden Susilo, kita berharap akan ada satu titik temu (kesepakatan) yang akan membuka peluang kepada kita untuk menjalin muafakat yang menguntungkan kedua-dua negara," katanya.

Abdullah berkata, kekerapan beliau dan Susilo berhubung melalui telefon mahupun pertemuan sama ada di Indonesia atau Malaysia atau ketika persidangan antarabangsa, membantu kewujudan hubungan yang baik dan merapatkan keakraban kedua-dua negara.

Beliau berkata, dengan berakhirnya isu sempadan berikutan pembabitian pakar teknikal itu, wujud rasa lega sekarang antara Malaysia

dengan Indonesia serta tiada lagi kebimbangan mengenai gangguan dalam hubungan kedua-dua negara.

"Jadi, suasana sekarang ada perasaan senang dan lega yang membolehkan kita memberi tumpuan kepada kerjasama terutama dalam bidang ekonomi yang sudah berjalan baik sekarang," katanya dan menam-

FAKTA NOMBOR

Perdagangan Malaysia-Indonesia

RM18.1b

Import Malaysia

RM14.9b

Eksport Malaysia

AS\$2.2b

Indonesia lulus pelaburan Malaysia

bah bahawa pada 2006, Malaysia menjadi pelabur terbesar di Indonesia.

Indonesia meluluskan pelaburan Malaysia berjumlah AS\$2.2 bilion pada 2006 yang menjadikan Malaysia pelabur terbesar di Indonesia, di luar pelaburan dalam bidang perbankan, minyak dan gas.

Tahun lalu, jumlah perdagangan Malaysia-Indonesia berjumlah RM33 bilion dengan import Malaysia berjumlah RM18.1 bilion dan eksport sebanyak RM14.9 bilion.

Abdullah berkata, pada pertemuan dua hala dengan Susilo di Istana Merdeka hari ini beliau memberi tumpuan kepada perbincangan kerjasama ekonomi, terutama dalam bidang baru seperti minyak dan bahan bakar asli daripada kelapa sawit yang pasaran dunianya dikuasai Malaysia dan Indonesia.

Abdullah dalam lawatan kerja dua hari atas undangan Susilo dan dijadualkan menerima anugerah Bintang Republik Indonesia Adi Pradana, anugerah tertinggi Indonesia untuk pemimpin luar serta bintang pengakap Indonesia, Pramuka, Lencana Tunas Kencana. - Bernama